



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN KE-34
KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM)
SIDANG 3 KPTM

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

30 OKTOBER 2017, ISNIN
WAKTU KETIBAAN: 10.30 PAGI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

(SALUTASI SEWAJARNYA)

Assalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh,
Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku.

1. Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Konvokesyen Ke-34, Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) dan Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) pada kali ini yang menyaksikan seramai 5,585 graduan dari cawangan KPTM dan KUPTM menerima diploma dan ijazah. Tahniah dan syabas kepada semua yang akan bergelar graduan pada hari ini.

2. Saudara dan saudari telah membuktikan bahawa ketabahan dan ketekunan dapat menghasilkan kejayaan yang diimpikan dan semestinya saudara dan saudari layak untuk berbangga atas kejayaan ini. Saya berasa amat gembira dan berbesar hati hari ini dikelilingi oleh ilmuwan anak bangsa yang akan melakar masa depan negara. Ini adalah testimoni kepada kejayaan negara dalam meningkatkan taraf pendidikan rakyat tanpa mengira latar belakang.

3. Kepada para ibu bapa yang datang dari seluruh pelusuk negara, saya amat menghargai dorongan, pengorbanan dan doa untuk anak-anak tuan-tuan dan puan-puan sekalian sehingga kita dapat berada di sini untuk mengiktiraf segala kejayaan atas usaha semua pihak pada hari ini.

4. Kepada bakal graduan sekalian, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan kepada saudara-saudari supaya jangan sekali-kali lupa akan pengorbanan ibu bapa dan keluarga yang senantiasa mendoakan kejayaan saudara-saudari selama ini dan tidak lupa juga kepada pihak penaja, khususnya MARA, PTPTN serta badan-badan penajaan lain yang membantu dari segi kewangan. Bantuan yang mereka salurkan telah memberikan peluang untuk para bakal graduan semua untuk meneruskan pelajaran di peringkat diploma dan ijazah sehingga berjaya seperti yang dibuktikan pada hari ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Saya ingin mengingatkan para hadirin sekalian untuk sentiasa menambah ilmu setiap hari. Kita perlu memasyarakatkan pendidikan dan menjadikan budaya belajar sepanjang hayat sebagai gaya hidup masyarakat. Seperti kata-kata dari seorang pemimpin, Nelson Mandela – “Pendidikan adalah senjata yang paling berkuasa yang boleh digunakan untuk mengubah dunia”. Kita boleh lihat bagaimana

kesan positif pendidikan dan pertolongan Kerajaan Malaysia seperti KKLW dan MARA telah mengubah corak masa depan keluarga luar bandar dan golongan miskin.

6. Para bakal graduan yang saya kasihi, negara menaruh harapan yang tinggi kepada saudara saudari sekalian sebagai pemimpin dan pencorak masa depan negara. Harapan ini diterjemahkan dalam TN50. Salah satu matlamat utama TN50 adalah memastikan agenda tranformasi luar bandar dilaksanakan dengan baik. KKLW ingin memastikan pengurangan penghijrahan luar bandar ke Bandar serta mewujudkan '*reverse migration*' supaya belia yang bekerja di bandar dapat pulang ke kampung kerana ada peluang pekerjaan, perumahan dan pembangunan. Hal ini juga dapat memastikan kualiti hidup dan masa depan saudara saudari lebih baik tanpa perlu hidup di kawasan Bandar yang mempunyai kepadatan penduduk dan kos sara hidup yang tinggi.

7. Di samping itu, KKLW amat komited dalam memastikan masa depan generasi muda terjamin dan menyedari bahawa lebih banyak usaha dan inisiatif yang perlu dilaksanakan supaya kita lebih maju dalam era yang serba mencabar ini. Justeru bagi memperhebatkan slogan 'membangunkan luar bandar' dan memastikan kesamarataan pendidikan, MARA telah banyak membuka cawangan IPMa di kawasan luar Bandar. Contoh terdekat adalah KPTM telah berjaya membuka AKADEMI KEUSAHAWANAN KPTM DI BERA, Pahang selepas dua kampus luar bandar KPTM Semporna dan KPTM Kesedar Gua Musang.

8. Pemilihan lokasi di kawasan luar bandar ini adalah relevan sebagai salah satu usaha yang diambil untuk mendokong aspirasi dan saranan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dalam merealisasikan slogan "Membangunkan Luar Bandar".

9. Penubuhan akademi ini juga berupaya membantu meningkatkan taraf kehidupan dan ekonomi masyarakat melalui bidang keusahawanan. Peranan KPTM adalah tidak sekadar memberi didikan, pendedahan dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap, malah mampu melahirkan usahawan yang berkualiti, mempunyai daya tahan serta daya saing yang tinggi.

10. Salah satu kejayaan utama KPTM adalah kejayaan menaiktaraf KPTM Kuala Lumpur kepada Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM). Misi menaiktaraf sebuah kolej kepada kolej universiti bukan sesuatu yang mudah. Pelbagai indikator perlu dipenuhi seperti memastikan 15 peratus pensyarah berkelulusan Ph.D dan 15 peratus pelajar antarabangsa. Penubuhan KUPTM telah membuka peluang yang lebih luas kepada graduan diploma KPTM dan lepasan diploma IPMa lain untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah. Tahniah!

11. Justeru, penghasilan modal insan yang dinamik dan progresif memerlukan proses pengisian minda dengan ilmu pengetahuan. Modal insan yang berilmu akan menjadi rebutan organisasi atau pihak-pihak tertentu kerana ianya merupakan aset yang berharga. Penaiktarafan Kolej Univerisiti ini sudah tentunya akan membolehkan pembinaan modal insan yang lebih berkualiti serta bertaraf global, bertepatan dengan motto MARA itu sendiri - "**Keusahawanan dan Pendidikan Global.**"

12. Disini, saya ingin merakamkan sekalung tahniah kepada KPTM atas kejayaan-kejayaan yang telah diraih dan paling gah adalah ia diperingkat antarabangsa dan dunia. Anugerah yang dimaksudkan adalah **THE TWO THOUSAND FIFTEEN EUROPEAN SOCIETY FOR QUALITY RESEARCH AWARD** yang telah disampaikan di dalam suatu majlis gilang gemilang di kotaraya London. Anugerah ini diberikan atas pencapaian KPTM yang cemerlang.

13. Antara kejayaan lain adalah..

- SATU - Mendapat **Association of Chartered Certified Accountants ACCA Approved Learning Partner GOLD STATUS** dari ACCA United Kingdom,
- DUA - Memenangi kategori **World Business Leader Award** dalam **The BIZZ 2014 Awards** dari World Confederation of Business, dan
- TIGA - KPTM Disenarai Sebagai 10 Syarikat Terbaik Anugerah KKLW 2016 Kategori Modal Berbayar RM5 Juta Dan Ke Atas.

Hadirin dan hadirat sekalian,

14. KKLW telah mengambil inisiatif produktif untuk menawarkan satu platform positif bagi golongan belia yang dikategorikan dalam kumpulan berpendapatan rendah menceburi bidang keusahawanan. Platform yang dimaksudkan ini adalah Program *Mobilepreneur*. Program ini merupakan satu agenda murni kerajaan untuk membantu rakyat khususnya golongan belia agar bidang keusahawanan menjadi pilihan utama mereka sebagai sumber pendapatan di luar bandar disamping membuka peluang kepada golongan belia di luar bandar untuk meraih sumber pendapatan atau menambah pendapatan melalui bidang keusahawanan. Dengan adanya Program *Mobilepreneur* ini, belia luar bandar dapat menjalankan perniagaan berkonsepkan perkhidmatan bergerak tanpa memerlukan modal yang besar untuk membuka atau menyewa premis perniagaan dengan memfokuskan pelbagai skop perkhidmatan seperti teknikal, kecantikan, fesyen, mekanikal, pengkomputaran, pembinaan dan sebagainya.

15. Selaku Menteri bagi kementerian yang menaungi KPTM dan KUPTM, saya amat berbangga dengan kejayaan yang telah dicatatkan oleh institusi ini. Sebagai salah satu institusi pengajian tinggi MARA, KPTM dan KUPTM dilihat sebagai IPMa

yang berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan. Kepada para graduan, ingin saya ingatkan bahawa kekuatan kelulusan saudara saudari tidak hanya terletak pada sijil tetapi ianya juga terletak pada sifat dan sikap yang ditunjukkan.

16. Saya amat bangga kerana KPTM berjaya mengeluarkan ramai graduan pada setiap tahun. Dari tahun 2003, iaitu sejak ditubuhkan, KPTM BERJAYA MENGELUARKAN SERAMAI 45,433 ORANG GRADUAN. Saya yakin mereka yang telah mendahului anda sebelum ini telah berjaya di luar sana. Mereka telah menjadi tenaga kerja penting dalam menggerakkan pembangunan ekonomi negara di pelbagai sektor pekerjaan. Justeru, keberadaan KPTM dan KUPTM dalam kalangan institusi pendidikan tinggi negara amat signifikan khususnya dalam meningkatkan status sosio ekonomi Bumiputera sepertimana dihasratkan oleh kerajaan.

17. Mungkin ramai juga dalam kalangan graduan yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Kepada anda yang memasang hasrat demikian, saya amat mengalu-alukan keputusan anda. Jangan takut untuk berhijrah sekiranya ditawarkan untuk menyambung pelajaran ke luar negara. Baru-baru ini tiga orang alumni KPTM yang melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana Muda di University News South Wales (UNSW), Australia di bawah Skim Pelajar Cemerlang MARA mendapat anugerah *UNSW Business International High Achievers Scholarship* bagi tahun 2017. Mereka adalah dua orang lepasan Diploma in Accountancy KPTM Bangi dan seorang lepasan Diploma in Business management KPTM Kota Bharu dan telah menerima AUD\$10 ribu setiap orang oleh UNSW Business School. Mereka dipilih dari kalangan *Outstanding International Students and graduates from UNSW pathway partner in Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Singapore and Vietnam*.

18. Mengakhiri kata, saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua bakal graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di KPTM sehingga dapat menggenggam segulung diploma dan ijazah. Saya berharap saudara-saudari sekalian tidak bertanggung-tanggung bagi menabur bakti dan membalas budi semua pihak yang terlibat di dalam kejayaan pendidikan anda.

19. Saya juga ingin mengucapkan setinggi tinggi tahniah dan syabas kepada semua ibubapa yang hadir kerana dengan bimbingan, dorongan, nasihat dan doa yang tidak putus-putus mereka dapat menyaksikan kejayaan anak-anak mereka pada hari ini. Marilah sama-sama kita memberikan satu tepukan yang gemuruh untuk kesemua ibubapa dan penjaga yang hadir pada hari ini.

20. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga pendidik dan tenaga kerja KPTM yang sentiasa mengikuti rapat idealisma serta aspirasi kerajaan di dalam menyediakan warga kerja yang tinggi nilai intelek, akhlak, emosi dan

rohaninya. Sesungguhnya usaha kita ini terangkum dalam proses memartabatkan ilmu dan memperteguhkan nilai bangsa dan negara.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian. Terima kasih.